

HSR perlu penyertaan penuh swasta elak kerajaan terbeban

Ada kekangan teruskan sistem pengangkutan, selain projek untuk rakyat diutamakan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Keputusan untuk menghidupkan semula projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura bergantung kepada pembabitan sepenuhnya sektor swasta tanpa membebaskan kerajaan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ini kerana kerajaan berdepan keangan dan kini memberi tumpuan kepada projek membabitkan rakyat seperti mitigasi banjir dan infrastruktur asas.

“Mengenai HSR, pendirian kami adalah untuk menjemput pembabitan penuh sektor swasta kerana kerajaan ada kekangannya, isu seperti mitigasi banjir, pendidikan dan kesihatan yang menjadi keutamaan, sekurang-kurangnya untuk tempoh satu ke dua tahun akan datang.

“Jadi, komitmen (kerajaan) membabitkan projek mega terpaksa ditangguhkan kerana perlu menyelesaikan beberapa isu tertunggak,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong sempena lawatan rasmi rakan sejawatnya itu ke Malaysia di sini, semalam.

Kertas dasar projek

Disember tahun lalu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dilaporkan Kabinet akan membuat keputusan sama ada untuk menghidupkan semula projek HSR Kuala Lumpur-Singapura pada awal bulan ini.

Bagaimanapun, beliau berka-

ta, kertas dasar mengenai projek itu, yang bertujuan untuk mengurangkan masa perjalanan antara kedua-dua bandar kepada 90 minit, tidak akan menentukan sama ada projek itu benar-benar akan dihidupkan semula.

Katanya, ini kerana kerajaan masih perlu memulakan semula perbincangan dengan Singapura kerana HSR adalah projek rentas sempadan.

Mengulas isu sama, Wong berkata, Singapura terbuka dengan sebarang cadangan baharu dari Malaysia, namun ia harus dimulakan semula daripada awal.

Katanya, kesalinghubungan lebih luas antara dua negara sentiasa memberi nilai tambah kepada Malaysia dan Singapura.

“Berhubung HSR, malangnya kita tidak dapat meneruskan projek asal, namun Singapura sentiasa terbuka dengan cadangan baharu daripada Malaysia.

“Bagaimanapun, (projek itu) harus bermula dari awal semula, itu pendirian kami (Singapura),” katanya.